

Lelaki salah guna dadah diarah lakukan kerja kemasyarakatan

MIRI: Seorang lelaki dikenakan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) empat bulan dengan melakukan kerja-kerja kemasyarakatan empat jam sehari oleh Mahkamah Majistret selepas mengaku bersalah terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis dua tahun di bawah Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Perintah itu dikeluarkan Majistret Ashok Lingam selepas tertuduh, Lawrence Luton, 49, dari Quadruplex Bandar Baru Permyjaya di sini, mengaku

bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun dan sertamerta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggu-

nakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 1.10 petang, 9 Oktober 2025 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Syafiq Samry, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.